

18 OCT 2001

APEC-Syed Hamid

MENTERI LUAR APEC MAHU BENCANA KEMANUSIAAN DI AFGHANISTAN DIELAKKAN

Oleh: Mohd Kamel Othman

SHANGHAI, 18 Okt (Bernama) -- Menteri-menteri Luar forum Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik (APEC) bersetuju bahawa bencana kemanusiaan akibat serangan udara yang diketuai Amerika Syarikat terhadap Afghanistan perlu dielakkan.

Mereka berpendapat jika serangan untuk memburu pengganas yang disyaki berlindung di Afghanistan merupakan sesuatu yang tidak dapat dielakkan, penderitaan yang dialami oleh orang awam hendaklah pada tahap paling minimum.

Menteri Luar Datuk Seri Syed Hamid Albar berkata rakan-rakan sejawatannya dari negara anggota APEC juga berpendapat semua bentuk tindakan ketenteraan terhadap Afghanistan diselesaikan secepat mungkin.

"Ia akan menjadi lebih berbahaya jika ia (serangan udara terhadap Afghanistan) berlanjutan ke bulan Ramadan. Perasaan dan emosi umat Islam akan terganggu dan ini akan menimbulkan banyak masalah," katanya.

Syed Hamid bercakap kepada wartawan Malaysia bagi menjelaskan hasil sesi khas Menteri-menteri Luar APEC yang membincangkan isu ancaman pengganas di sini hari ini.

Beliau berkata Amerika Syarikat harus memahami dan mengambil kira bahawa apa yang diperkatakan oleh Menteri-menteri Luar APEC pada mesyuarat kali ini bukanlah bersifat menentang tindakan mereka tetapi lebih kepada menjaga perasaan umat Islam keseluruhannya.

"Kita tidak boleh selesaikan masalah keganasan dengan mengisytiharkan perang. Banyak langkah yang perlu diambil. Itu sebabnya Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menyatakan secara terbuka bahawa satu persidangan antarabangsa perlu diadakan bagi membincang dan menyelesaikan soal keganasan.

"Kita hendak hapuskan keganasan daripada menjadi ancaman kepada keamanan dunia," kata Syed Hamid.

Menurutnya, Menteri-menteri Luar APEC berpendapat bahawa ancaman pengganas merupakan satu fenomena baru dan terdapat keperluan untuk kerjasama antarabangsa bagi memerangi keganasan.

Mereka juga berpendapat usaha perlu dilakukan bagi mengkaji semula peranan Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) dalam konteks memerangi pengganas antarabangsa.

"Malaysia mahu usaha itu dilakukan oleh Majlis Keselamatan PBB. Tidak harus wujud pilih kasih," katanya.

Pada sesi khas itu, Menteri-menteri Luar APEC telah memaklumkan kepada Setiausaha Negara Amerika Syarikat Colin Powell bahawa lebih lama Amerika melancarkan serangan ketenteraan terhadap Afghanistan lebih banyak orang awam merasai kesannya.

Ketika ditanya bagaimana reaksi Powell pada mesyuarat itu, Syed Hamid berkata: "Powell telah membuat kenyataannya dan memberi taklimat mengenai perkembangan terbaru dan kita (Menteri-menteri Luar APEC) masing-masing memberi pendapat kita.

"Mesyuarat seperti ini akan hanya bermakna jika semua anggota melahirkan pandangan mereka," katanya.

-- BERNAMA

MKO KHY MAI